



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HRIAN			
TARIKH	:	28.10.22	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	TNB			

28

Bisnes

TNB, Gamuda Land bina stesen cas berkuasa solar

Percepatkan pembangunan ekosistem, infrastruktur Kenderaan Elektrik

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB) menjalin kerjasama strategik dengan Gamuda Land, cabang pembangunan hartanah Gamuda Bhd bagi membina dua Stesen Elektronik untuk pengecasan kenderaan elektrik yang berkuasa solar pertama di negara ini.

Stesen itu akan dibina bagi projek pembangunan hartanah Gamuda Land di Gamuda Cove dan Taman Gamuda.

Ketua Pegawai Strategi dan Venture TNB, Datuk Ir Megat Jalaluddin Megat Hassan, berkata stesen itu dijangka dapat memberi perkhidmatan menjelang 2025.

Beliau berkata, ia juga akan mempercepatkan pembangunan ekosistem dan infrastruktur untuk kenderaan elektrik (EV) di Malaysia, sekali gus menyokong visi kemampaan kedua syarikat.

Stesen elektron masa hadapan itu katanya akan dikuasakan oleh panel solar atas bumbung yang akan membantu mengimbangi elektrik daripada grid dan menyokong persekitaran yang lebih hijau.

"Kerjasama ini akan memberi laluan kepada TNB dan Gamuda Land untuk bekerjasama ke arah meningkatkan penggunaan kenderaan elektrik di Malaysia dan mencapai aspirasi pelepasan sifar bersih Malaysia menjelang 2050.

"Pada masa yang sama, stesen akan membolehkan kedua syarikat meningkatkan usaha berterusan mereka untuk mencapai sasaran Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) sambil memastikan pertumbuhan berterusan perniagaan," katanya.

Megat Jalaluddin berkata, menyokong pertumbuhan kenderaan elektrik adalah sebahagian daripada tonggak peralihan tenaga TNB.

Beliau berkata, ia sememangnya langkah yang tepat ke hadapan dalam merealisasikan aspirasi untuk menyediakan pelan induk yang mampan,

menampilkan reka bentuk responsif iklim, pengangkutan bersepadu dan pembinaan tenaga super rendah dengan ciri pintar.

"Semua inisiatif ini memerlukan pelaburan yang besar dan tiada entiti individu akan mampu memikul tanggungjawab ini seorang diri.

"Oleh itu, kerjasama seperti apa yang TNB dan Gamuda Land laksanakan adalah selaras dengan menyokong wawasan kerajaan," katanya.

Pelepasan karbon

Sementara itu, Ketua Pegawai Operasi Gamuda Land, Chu Wai Lune, pula berkata pengangkutan bandar menyumbang sekitar 23 peratus daripada pelepasan karbon.

Beliau berkata, ia juga dapat memastikan perkembangan kumpulan adalah dilengkapi dengan kemudahan untuk menyokong mod pengangkutan bandar yang mampan.

Ia juga katanya, menjadi antara kunci utama dalam memberi tumpuan kepada reka bentuk pelan induk kumpulan dalam usaha membangunkan perbandaran pintar dan mampan.



Ilustrasi Stesen Elektronik berkuasa solar yang bakal dibangunkan Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Gamuda Land.



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia